

Rumusan

Pelajar-pelajar lembam dalam kajian ini masih lagi mengalami proses pembelajaran dan penguasaan bahasa yang tidak sempurna seperti pelajar-pelajar normal yang lain. Secara keseluruhannya pemaparan idea dan penguasaan bahasa responden hampir sama dan mereka ini mempunyai ciri-ciri kelemahan yang sama antara satu sama lain. Responden tidak dapat menguasai bahasa dengan sempurna oleh sebab itu mereka gagal menyampaikan idea dalam karangan dengan baik.

BAB 5

KESIMPULAN

5.0 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan kesimpulan daripada hasil kajian seperti yang telah dibincangkan di dalam Bab 4. Selain itu bab ini juga mengemukakan beberapa cadangan yang berkaitan dengan keseluruhan kajian ini yang telah memberi implikasi terhadap Kementerian Pelajaran Malaysia, Guru bahasa Melayu, penulis buku bahasa Melayu dan juga kepada keluarga dan masyarakat. Manakala pada akhir bab ini pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan untuk kajian lanjutan.

5.1 Rumusan Pemaparan Idea Dan Penguasaan Bahasa Dalam Karangan Pelajar Lembam

Penguasaan bahasa yang sempurna merupakan salah satu faktor yang membolehkan seseorang menulis dengan baik. Menguasai bahasa dengan baik seseorang pelajar dapat mengetahui, memahami dan menyampaikan idea mereka dalam penulisan. Tanpa kemahiran bahasa yang baik proses pembelajaran amat sukar dilakukan bukan sahaja dalam mata pelajaran bahasa Melayu malah kepada mata pelajaran yang lain juga ini kerana kemahiran atau pengetahuan bahasa merupakan asas atau dasar yang utama dalam proses pembelajaran

Hasil daripada penelitian terhadap karangan pelajar-pelajar lembam didapati pelajar-pelajar lembam ini sebenarnya mempunyai idea untuk menulis berdasarkan gambar yang mereka lihat tetapi mereka tidak dapat menghuraikan dengan jelas kerana mereka tidak dapat menguasai bahasa dan juga tidak mengetahui makna perkataan-perkataan yang sesuai dalam bahasa Melayu. Akibat daripada kelemahan mereka menguasai 2M dan tidak memahami makna-makna perkataan menyebabkan pelajar-pelajar ini melakukan kesilapan semasa menulis karangan. Idea yang disampaikan tidak berkembang dan penyusunan idea yang tidak teratur.

Berdasarkan pemaparan idea dalam karangan sebagaimana yang telah di analisis dalam Bab 4, dapatlah disimpulkan bahawa pemaparaan idea dan tahap penguasaan bahasa pelajar-pelajar lembam pada usia 14 tahun iaitu tingkatan dua sangat lemah jika dibandingkan dengan pelajar seusianya. Bentuk-bentuk kesalahan bahasa yang dibuat oleh pelajar-pelajar lembam dalam kajian ini sangat ketara. Penulisan mereka banyak dipengaruhi oleh bahasa lisan. Mereka hanya tahu menggunakan bahasa yang biasa digunakan dalam seharian sahaja. Malah penguasaan bahasa dan pemaparan idea pelajar-pelajar lembam ini adalah lebih rendah daripada tahap pemaparan idea dan penguasaan bahasa pelajar-pelajar normal yang sama usianya.

Oleh itu, secara keseluruhannya pengkaji membuat rumusan daripada kajian didapati bahawa pemaparan idea dan tahap penguasaan bahasa dalam karangan pelajar lembam adalah masih lagi di tahap yang lemah iaitu mereka masih berada dalam proses pemerolehan dan penguasaan bahasa yang masih belum sempurna sepenuhnya seperti mana pelajar-pelajar normal yang lain. Walau bagaimanapun pengkaji mendapati semua responden masih lagi mempunyai peluang untuk menjadi lebih baik seperti pelajar-pelajar normal yang lain jika pihak sekolah tersebut mengambil langkah-langkah pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif.

Menurut guru pemulihan bahasa Melayu karangan-karangan pelajar ini jika diperiksa mengikut skema jawapan PMR karangan mereka gagal. Markah cemerlang untuk karangan bahagian B ini ialah 16-20 markah. Oleh itu menurut

guru pemulihan tersebut markah keseluruhan untuk karangan bahagian B bahan rangsangan pelajar-pelajar lembam ini berada bawah 10 markah. Ini bermakna mereka gagal dalam bahagian B.

Hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada kesemua responden ini bolehlah dirumuskan bahawa responden dalam kajian ini mempunyai tahap penguasaan bahasa yang belum sempurna sepenuhnya walaupun semua responden berusia 14 tahun dan ini menyebabkan mereka gagal dalam menyampaikan idea dalam karangan. Tiada bahasa tiadalah idea yang akan disampaikan.

5.2 Implikasi Terhadap Dapatan Kajian

Dapatan kajian tentang pemaparan idea dan penguasaan bahasa dalam karangan pelajar lembam membawa beberapa implikasi penting kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, guru bahasa Melayu, penulis buku bahasa Melayu dan keluarga dan masyarakat.

1. Implikasi Terhadap Kementerian Pelajaran Malaysia

Kementerian Pelajaran Malaysia merupakan badan yang bertanggungjawab menentukan dasar pelajaran di negara ini. Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia hendaklah memandang berat terhadap prestasi pelajar-pelajar lembam dalam subjek bahasa Melayu terutama di sekolah harian biasa. Memandangkan Kementerian Pelajaran tidak menyediakan satu modul khas untuk pengajaran dan pembelajaran pelajar lembam satu jawatankuasa harus ditubuhkan untuk

mengkaji perkara ini dengan mengemukakan cadangan-cadangan serta tindakan yang harus diambil untuk meningkatkan lagi pemulihan pendidikan pelajar-pelajar lembam dalam pembelajaran bahasa Melayu di sekolah agar pelajar-pelajar lembam tidak tercicir.

Kementerian Pelajaran seharusnya menawarkan kursus pendidikan pemulihan untuk peringkat sekolah menengah ataupun menghantar guru-guru pemulihan yang telah dilantik oleh pihak sekolah mengikuti kursus ini untuk meningkatkan lagi proses pembelajaran pelajar-pelajar lembam.

Memandangkan kesulitan pelajar-pelajar lembam mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas berpandukan modul yang pihak sekolah sediakan, diharapkan Kementerian Pelajaran menubuhkan satu jawatankuasa bagi membuat perbincangan mengenai modul untuk pelajar-pelajar kelas lembam. Jika sebelum ini, Jabatan Pendidikan Negeri telah menyerahkan kepada pihak sekolah untuk membuat modul tetapi satu modul yang lebih baik dapat dihasilkan jika Kementerian Pelajaran campur tangan dalam hal ini.

Mungkin Kementerian pendidikan boleh menggubal Rancangan Bahasa Melayu Sekolah Menengah di bawah kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (K.B.S.M) untuk pelajar-pelajar kelas pemulihan. Hal ini penting kerana pelajar-pelajar lembam, didapati mengalami masalah proses pengajaran dan pembelajaran yang lambat berbanding pelajar-pelajar biasa.

Mereka juga mengambil masa yang agak lama dan tidak dapat menepati masa

yang ditetapkan untuk menjawab soalan-soalan ketika ujian dijalankan dan masalah ini akan menyebabkan mereka gagal juga untuk menjawab peperiksaan penting. Oleh itu Lembaga Peperiksaan perlu mengkaji dan merancang peperiksaan yang dikhususkan untuk mereka agar mereka tidak jauh ketinggalan dalam arus pendidikan dengan mewujudkan sekolah latihan Vokasional yang dikhaskan kepada pelajar lembam. Hal ini kerana pelajar-pelajar lembam tidak mempunyai hala tuju selepas tamat persekolahan kerana kegagalan mereka dalam bidang akademik dan menyebabkan mereka terbiar. Dengan adanya sekolah latihan vokasional ini mereka berpeluang mengikuti latihan dalam bidang jahitan, masakan, pertanian, perniagaan dan sebagainya yang sesuai dengan tahap pendidikan dan pemikiran mereka.

2. Implikasi Terhadap Guru Bahasa Melayu

Pengetahuan mengenai pelajar bermasalah pembelajaran ini sangat penting bagi seorang guru untuk menyampaikan pengajaran bahasa Melayu dengan berkesan kerana sudah mengetahui selok belok pelajar-pelajar yang bermasalah dalam pembelajaran.

Menyedari tentang hakikat ini, pengkaji telah mencadangkan agar guru pemulihan yang mengajar subjek bahasa Melayu dalam kelas pemulihan supaya menjalankan pelbagai aktiviti pemulihan dan kepelbagaian teknik pengajaran dalam pelajaran bahasa Melayu untuk menarik minat pelajar. Langkah-langkah di bawah merupakan salah satu cara untuk guru pemulihan sebelum memulakan pengajaran.

- i) Mengenal pasti kesulitan pembelajaran bahasa terutama dari aspek tatabahasa.
- ii) Mengesan punca sesuatu kesulitan dalam penguasaan dan penggunaan bahasa.
- iii) Merancang teknik dan kaedah pengajaran bagi mengatasi kesulitan penguasaan dan penggunaan bahasa.
- iv) Menyediakan bahan dan alat bantu mengajar yang sesuai untuk pengajaran bahasa.
- v) Menilai keberkesanan pengajaran pemulihan tentang penguasaan dan penggunaan bahasa.

Kajian yang dilakukan ini mendapati penulisan semua responden dipengaruhi oleh bahasa lisan. Menyedari hakikat ini, guru perlu menjadi model kepada pelajar lembam dengan menggunakan bahasa Melayu baku ketika menyampaikan pengajaran dan perbualan di bilik darjah. Hal ini penting kerana, pelajar-pelajar lembam akan menjadikan guru mereka sebagai contoh. Ini akan dapat membantu meningkatkan lagi penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar-pelajar lembam.

Guru pemulihan perlu melakukan pemeriksaan karangan pelajar dengan teliti dan teratur dengan mengikut beberapa aspek penting seperti penggunaan pembentukkan kata yang terdiri daripada kata dasar, kata majmuk, kata terbitan dan kata ganda manakala penggolongan kata pula perlu dilihat dari aspek kata

nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas seperti yang dilakukan dalam kajian ini. Setiap aspek ini mesti diperiksa dengan jelas dan guru perlu memberi penerangan kepada pelajar agar mereka faham kesilapan mereka dalam penulisan karangan.

Oleh itu, guru bahasa Melayu kelas pemulihan hendaklah mengikuti kursus bagi meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran pelajar kelas pemulihan. Latihan-latihan yang diberikan kepada guru pemulihan ini mestilah mengikut keperluan semasa.

3. Implikasi terhadap penulis bahan bahasa Melayu

Hasil daripada kajian ini mungkin dapat membuka minda dan idea untuk golongan pembina bahan atau penulis penerbit buku teks dan buku kerja bahasa Melayu untuk menghasilkan buku yang dikhaskan untuk golongan bermasalah pembelajaran. Penulis harus menitikberatkan kesesuaian bahan untuk pengajaran dan pembelajaran pelajar bermasalah pembelajaran dengan memastikan buku teks atau buku rujukan dan buku kerja itu benar-benar dapat memenuhi keperluan pelajar bermasalah pembelajaran.

4. Implikasi Terhadap Keluarga dan Masyarakat

Peranan ibu bapa sangat penting untuk mendidik dan mengawasi anak-anak

mereka. Dalam usaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa pelajar lambat ibu bapa seharusnya menggunakan bahasa baku dalam percakapan seharian dengan anak-anak mereka di rumah. Selain guru yang mendidik, ibu bapa juga merupakan pendidik utama anak-anak. Jika bahasa lisan dan dialek digunakan di rumah akan menyebabkan pelajar lambat terikut-ikut dan proses pembelajaran bahasa di sekolah akan menjadi untuk dikuasai kerana mereka sudah biasa didedahkan dengan bahasa lisan di rumah. Bahasa lisan bukan sahaja mempengaruhi pertuturan pelajar lambat malah mempengaruhi penulisan pelajar lambat. Menurut J.S Dacey (1967) keluarga ialah faktor paling utama yang mendorong atau merencatkan perkembangan kreativiti anak-anak. Jika penguasaan bahasa pelajar tidak baik, dia akan gagal dalam usaha menyampaikan maksudnya. Tentunya bertambah sukar bagi guru untuk melatih pelajar menguasai tabiat membaca dalam Rohani Salleh (2002). Seorang pengkaji bahasa yang bernama Selinker (1972) memberikan pendapat bahawa kesalahan yang berlaku itu mungkin berpunca daripada gangguan bahasa ibunda penutur itu sendiri. Begitu juga yang berlaku dalam proses pembelajaran serta strategi penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar atau penutur bahasa itu sendiri. Oleh itu, ibu bapa perlu menggunakan bahasa baku dalam pertuturan seharian.

Masyarakat di sekeliling pelajar lambat juga berperanan dan bertanggungjawab mempengaruhi pelajar-pelajar lambat menguasai bahasa. Sikap sesetengah masyarakat yang mengabaikan pelajar lambat harus dihapuskan. Pergaulan pelajar lambat dengan masyarakat sekeliling harus diambil berat kerana

golongan pelajar lambat ini mudah terikut-ikut dengan penggunaan bahasa lisan yang digunakan. Adakalanya penggunaan bahasa rojak merupakan pencemaran bahasa yang semakin serius dalam kalangan masyarakat sekarang terutama golongan muda mungkin juga akan mempengaruhi pembelajaran pelajar lambat.

5.3 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan

Bahasa merupakan satu aspek yang penting dalam perhubungan yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi oleh itu semua manusia memerlukan bahasa tidak kira golongan individu yang cacat sekali pun.

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat pemaparan idea dan penguasaan bahasa dalam karangan pelajar lambat yang berada di dalam kelas pemulihan di sekolah menengah harian biasa dan hanya melibatkan satu buah sekolah sahaja.

Kajian ini melibatkan pentadbiran ujian karangan dan temu bual secara tidak formal dengan responden. Dapatan dan kesimpulannya dapat dibuat berdasarkan hasil pengumpulan karangan responden-responden tentang pemaparan idea dan penguasaan bahasa sahaja. Oleh sebab itu kajian ini tidak melibatkan aspek-aspek kesalahan penggunaan tatabahasa dan bahasa responden secara menyeluruh dalam karangan. Kajian ini terlalu terbatas sedangkan bidang yang diperkatakan masih lagi luas, maka banyak lagi penyelidikan lanjut yang boleh dibuat seperti melihat pemaparan idea dalam

karangan PMR kertas 2 bahagian C iaitu karangan umum yang memerlukan calon menjawab satu soalan karangan dari lima soalan dan juga melihat perbezaan pelajar lembam berbangsa Melayu dengan pelajar lembam berbangsa India dan juga China dalam kemahiran menulis. Selain itu, kajian boleh juga dilakukan terhadap pelajar lembam dari semua tingkatan untuk melihat tahap pemaparan idea antara mereka sama ada masih lagi di tahap yang sama atau sebaliknya.